

# Keupayaan kita membangggakan

**A**NGGOTA Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Malaysia kagum dengan pencapaian negara melonjak keupayaan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta sepakat usaha membawa syarikat tempatan ke pasaran global memerlukan lebih daripada persiapan pembangunan infrastruktur dan perkakasan.

Mereka berpendapat Malaysia memiliki kelebihan dan kekuatan sebagai negara dengan rakyat pelbagai etnik dan selepas 10 tahun MSC Malaysia dilancarkan, negara ini sudah bersedia untuk bersaing dalam sektor ICT antarabangsa.

Anggota panel sepakat pemikiran betul serta pelaburan berterusan dalam meningkatkan keupayaan modal insan, kandungan dan strategi perniagaan adalah kunci memastikan kejayaan syarikat ICT tempatan dalam pasaran global.

Pengarah Kumpulan Penyelidikan dan Penerokaan, British Telecoms (BT), Mike Carr, berkata syarikat tempatan perlu memilih pasaran terbaik untuk melancarkan produk ciptaan.

"Syarikat kecil tidak sepatutnya perlu mengikut amalan melancarkan produk jualan di Malaysia ketika mereka memiliki keupayaan bersaing di peringkat global," katanya pada sidang media di akhir sesi mesyuarat hari kedua di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.